



"AWASI LIDAH DAN TANGANMU".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِذْ يَتَلَقَّى الْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدٌ ۗ مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ۗ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang mendapat perlindungan dan hidayah Allah SWT di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "AWASI LIDAH DAN TANGANMU".</p> <p>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</p>	6
<p>Seorang muslim wajib mempunyai akhlak yang baik. Ia adalah tanda, alamat dan bukti keimanan kepada Allah SWT. Ia juga adalah kesan spontan, bukan pilihan dalam hidup bersyariat.</p> <p>Di antara tanda dan bukti Islamnya seseorang ialah menjaga lidah dan tangannya daripada menyakiti orang lain.</p>	7

¹ Qaf : 17-18.



<p>Diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru RadiAllah 'Anhuma bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ</p>	8
<p><i>"Seorang muslim itu ialah seseorang yang orang Islam lain selamat daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah itu ialah seseorang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	9
<p>Hadis ini menunjukkan bahawa seseorang muslim hakiki dan berakhlak adalah yang mampu menahan kejahatan dari tutur kata dan tingkah lakunya daripada menyakiti hati dan perasaan serta mengganggu gugat keamanan dan kesejahteraan kehidupan orang lain. Ingatlah segala apa yang kita perkatakan dan lakukan akan memberi kesan langsung kepada saudara seislam lainnya, dan ia sentiasa dalam pengetahuan Allah, bahkan menjadi tugas para malaikat untuk mencatatnya.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah Qaf ayat 17-18 sebagaimana yang dibacakan dalam muqaddimah khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatan, yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)".</i></p> <p>Hadirin Jumaat sekalian</p>	11



<p>Berakhlaklah apabila lidah menurut kata. Ia sangat lembut pada zahirnya, tetapi lebih tajam daripada mata pedang. Berfikirlah dahulu menuturkan pandangan dengan bahasa yang lembut. Jangan menuturkannya jika boleh menghina, mencaci dan menyakiti hati orang lain. Ingatlah bahawa antara perkara yang tidak boleh diundur adalah kata-kata yang keluar dari dua rahang selain waktu dan kesempatan yang tidak akan berulang untuk sekian kalinya. Tutur kata dan lafaz yang kita ucapkan juga bakal dipertanggungjawabkan di hadapan Allah pada hari akhirat kelak.</p>	12
--	----

<p>Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RadiAllah 'Anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p>	13
<p>إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي مَا حَدَّثَتْ بِهِ أَنْفُسَهَا، مَا لَمْ تَعْمَلْ أَوْ تَتَكَلَّمْ</p>	
<p><i>"Sesungguhnya Allah SWT tidak mengambil kira daripada umatnya apa yang disimpan dalam hatinya selagi mana tidak dilakukan atau diperkatakan".</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	14
<p>Berkaitan hadis ini, Imam Ibn Hajar al-Asqolani menyatakan bahawa niat yang jahat belum menjadikan seseorang berdosa, tetapi jika kejahatan tersebut diungkapkan atau dilakukan maka ia dicatat dan dikira berdosa.</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	15

<p>Dalam keghairahan kita berhujah dan berdebat, terdapat segelintir umat Islam yang sengaja melajakkan lidah dan perbuatannya demi hati yang mahukan kepuasan hasutan syaitan untuk membalas dendam, menjatuhkan serta menyerang peribadi seseorang atau satu-satu kumpulan yang tidak sehaluan. Ketika pantas berbicara merendahkan sifat nabi SAW yang mulia dan agung, tidak terfikirkah bahawa perbuatan itu sangat keji dan tidak berakhlak sama sekali.</p>	16
--	----



<p>terlupakah kehinaan yang akan Allah timpakan ke atas pelaku yang menghina kekasih Allah? Dan ketika ringan tangannya menconteng mural dan lukisan orang lain dengan lakaran hina dan kata nista, adakah dia tidak tahu alam barzakh yang penuh dengan ular dan kala? Ketika menari jari jemari menyusun perkataan-perkataan bersifat fitnah dan adu domba di media sosial, adakah dia tidak sedar akan dosa dan azab yang pedih menantinya?</p>	17
<p>Diriwayatkan daripada Samurah bin Jundub RadiAllah 'Anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p>وَأَمَّا الرَّجُلُ الَّذِي أَتَيْتَ عَلَيْهِ، يُشْرَشِرُ شِدْقَهُ إِلَى قَفَاهُ، وَمَنْخِرُهُ إِلَى قَفَاهُ، وَعَيْنُهُ إِلَى قَفَاهُ، فَإِنَّهُ الرَّجُلُ يَغْدُو مِنْ بَيْتِهِ، فَيَكْذِبُ الْكَذْبَةَ تَبْلُغُ الْآفَاقَ</p>	18
<p><i>“Adapun orang yang diseksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi hingga ke belakang lehernya, dan disangkut lubang hidung hingga menembusi belakang lehernya, dan disangkut mata hingga menembusi belakang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan dari rumahnya hingga ke seluruh ufuk penjuru dunia.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	19
<p>Allah SWT juga memberi ancaman kepada sesiapa yang menyakiti orang lain sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 58:</p> <p>وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ٥٨</p>	20
	21



<p><i>“Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta dan berbuat dosa yang amat nyata.”</i></p>	
<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Sesungguhnya kata-kata kesat dan maki hamun yang dilemparkan sesama muslim adalah satu fitnah besar kepada Islam dan umat Islam. Ia sekaligus mencalar, merobek dan menjatuhkan imej Islam yang sifatnya menyelamatkan dan mendamaikan antara sesama Islam mahupun bukan Islam. Lebih buruk lagi, keruntuhan akhlak Islam ini akan menyebabkan runtuhnya maruah ummah dan agama Islam itu sendiri. Permusuhan yang berlaku sesama umat Islam membuka peluang kepada pihak musuh mengambil kesempatan untuk menyerang Islam dan umatnya tanpa sedikit pun rasa bersalah, bahkan merasa bangga dan begitu yakin kerana ia dimulakan dan dirancarkan oleh umat Islam sendiri. Mereka berani memijak, menconteng, membakar dan melakukan apa sahaja. Semuanya kerana adanya segelintir umat Islam yang berperilaku hina dan tidak berakhlak demi kepentingan dunia dan kekuasaan mereka. Hakikatnya, umat Islam yang tidak berakhlak inilah yang menjadikan umat Islam semakin hina dan terhimpit.</p>	22
<p>Ketahuiilah, perkataan jahat yang dilafazkan oleh lidah dan perbuatan maksiat yang dilakukan oleh tangan serta pancaindera akan menghakis dan menghabiskan segala amal soleh kita. Tidak cukup setakat itu, seseorang bakal menanggung pula dosa kejahatan orang lain yang tidak dilakukannya. Inilah sebenar-benar orang mufliis.</p>	
<p>Sebagaimana dijelaskan dalam sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah RadiAllah ‘Anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p>	



<p><i>“Sesungguhnya orang mufliis dalam kalangan umatku ialah seseorang yang datang pada hari kiamat dengan (amalan) solat, puasa dan zakat. Pada masa yang sama dia juga datang dengan (kejahatan) pernah mencerca orang (lain) ini, menuduh orang ini, memakan harta orang ini, membunuh orang ini, dan memukul orang ini. Lalu diberikan kepada orang ini pahalanya, juga orang ini daripada pahalanya. Maka jika habis pahalanya sebelum selesai perhitungan, maka akan diambil (dosa) kesalahan mereka lalu dicampakkan kepadanya, kemudian dia dihumban ke dalam neraka”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	
<p>Para tetamu Allah sekalian,</p> <p>Ayuh, marilah kita hiasi diri dengan akhlak yang mulia. Ia sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Akhlak yang mulia adalah mutlak daripada Allah SWT. Akhlak adalah suatu yang bersifat zahir dan akhir, bukan bersifat relatif mengikut lingkungan, adat tradisi, etika, moral dan nilai-nilai setempat yang rata-rata gagal menzahirkan hasrat dan tujuan penciptaan manusia.</p>	
<p>Sebenarnya, hidup bermasyarakat dalam negara ini, budi pekerti yang baik adalah asas kerukunan dan keharmonian. Diperkukuhkan lagi dengan prinsip Rukun Negara yang bertunjangkan nilai teras yang ditekankan oleh Islam, diyakini mampu menjamin kestabilan dalam kepelbagaian. Malah prinsip tersebut lebih dahulu diajarkan oleh Islam seperti hakikat hidup bertuhan dan beragama, tuntutan untuk hidup beradap sopan dan bertatasusila, ketaatan kepada ulil amri, dan tuntutan hidup dalam masyarakat dengan penuh keamanan serta menjunjung undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan</p>	



<p>ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p> <p>Muslimin sekalian,</p>	
<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib mengimani bahawa segala perkataan dan perbuatan mereka di dunia akan dihisab dan dibalas oleh Allah SWT pada hari Akhirat kelak.2. Umat Islam mesti menjaga lidah dan anggota badannya daripada menyakiti orang lain.3. Umat Islam hendaklah menggunakan lidah untuk terus berzikir dan berdoa kepada Allah SWT agar wabak COVID-19 segera diangkat.	
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٢٤</p> <p style="text-align: center;"><i>"Pada hari lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi atas diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka telah lakukan".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Nur : 24).</i></p>	
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23



<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24
--	----

KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	6



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14



*Khutbah Jumaat 7 Ogos 2020M / 17 Zulhijjah 1441H: "Awasilah Lidah Dan Tanganmu".
Jabatan Agama Islam Selangor*